

Lagi penduduk kena pindah

KUANTAN - Seramai 274 mangsa banjir membabitkan 65 keluarga dari empat kampung ditempatkan di pusat pemindahan banjir Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Gudang Rasau di sini yang dibuka sejak malam kelmarin

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Gudang Rasau, Khairon Abdul Ghani berkata, mangsa terlibat dari Kampung Gudang Rasau, Air Hitam, Sungai Belat dan Telok Mahang.

Menurutnya, paras air sungai berdekatan yang meningkat akibat hujan lebat menyebabkan rumah penduduk dinaiki air setinggi dua meter.

"Air memasuki kawasan rumah penduduk awal pagi kelmarin dan tidak menunjukkan tanda surut hingga memaksa penduduk berpindah malam tadi (kelmarin)," katanya.

Khairon berkata, mangsa berkemungkinan dibenarkan pulang esok (hari ini) jika banjir pulih dan beliau berharap keadaan semakin baik.

Menurutnya, semua penduduk terjejas berpindah seperti arahan pihak berkuasa.

Mangsa banjir menerima kunjungan Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Maimunah Iskandariah yang turut menyediakan makan malam.